

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD**  
**[SHAH ALAM]**  
**TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [ SHAH ALAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah justifikasi dan rasional Kerajaan dalam mengekalkan windfall tax ke atas industri kelapa sawit namun tidak ke atas sektor perbankan dan pembuatan sarung tangan sebagai contoh.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, levi keuntungan luar biasa masih lagi dikenakan ke atas pengeluaran buah tandan segar kelapa sawit memandangkan harga komoditi minyak sawit adalah stabil dan tidak terkesan dengan kitaran ekonomi. Levi hanya dikenakan apabila harga purata minyak sawit mentah mencapai nilai ambang 2,500 ringgit se tan di Semenanjung dan 3,000 se tan di Sabah dan Sarawak. Levi tidak dikenakan apabila harga minyak sawit mentah berada di bawah paras nilai ambang tersebut. Di samping itu, pekebun kecil yang memiliki kebun berkeluasan kurang daripada 100 ekar juga adalah dikecualikan daripada bayaran levi.
2. Kerajaan tidak berhasrat untuk mengenakan levi keuntungan luar biasa ke atas barangan pengilangan tempatan seperti pembuatan sarung tangan. Ini adalah kerana levi hanya dikenakan ke atas amaun untung yang melebihi nilai ambang tertentu. Barangan siap pengguna seperti

sarung tangan getah, mempunyai pelbagai jenis, standard, spesifikasi serta gred yang berbeza-beza mengikut permintaan pasaran. Oleh itu, adalah sukar untuk menentukan harga pasaran yang seragam bagi barangan pengilangan dan nilai ambang yang berkaitan.

3. Walaupun tidak dikenakan levi keuntungan luar biasa, syarikat-syarikat sarung tangan getah telah menyumbang sebanyak RM490 juta kepada Kerajaan pada tahun 2020 bagi membantu usaha Kerajaan menangani krisis pandemik COVID-19. Ini adalah sebagai tambahan kepada cukai pendapatan korporat mereka pada kadar tertinggi 24% yang dikenakan.

4. Pengenaan levi keuntungan luar biasa ke atas sektor perkhidmatan seperti perbankan atau lain-lain jenis perkhidmatan pula adalah tidak selaras dengan Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998. Ini adalah kerana levi hanya dikenakan ke atas amaun untung yang melebihi nilai ambang tertentu bagi pengeluaran sesuatu barang yang ditetapkan dan bukannya ke atas sesuatu perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.